

PMFPEP jayakan kempen UMS Speakers Corner dengan kerjasama MPP

UB 14.3.2019 B2

KOTA KINABALU: Persatuan Mahasiswa Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (PMFPEP) baru-baru ini mengadakan program

UMS Speakers Corner bersama-sama dengan barisan Majlis Perwakilan Pelajar, Universiti Malaysia Sabah.

Program ini diadakan di

Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan, Universiti Malaysia Sabah dengan mahasiswa/I khususnya FPEP diberikan ruang untuk bercakap dan menyuarakan sebarang bentuk pandangan terhadap apa juga isu semasa di dalam dan luar kampus.

Menurut Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Pascasiswazah Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan, Universiti Malaysia Sabah, Dr Arif @ Kamisan Pusiran program seumpama ini mampu menjadi medan dan platform kepada pelajar untuk bukan sahaja menyuarakan sesuatu isu tetapi

lebih yakin apabila berada di hadapan khalayak ramai.

Program ini adalah program bersiri yang dianjurkan oleh pihak Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Malaysia Sabah di bawah kendalian saudara Mohammad Zaiful Junaedi, Naib Presiden II (Pembangunan Insaniah dan Intelektual).

Program ini juga turut dihadiri oleh penasihat PMFPEP, Wijaya Kamal Ramlan, barisan kepimpinan MPP, PMFPEP, Presiden Kelab dan mahasiswa/i serta pensyarah Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan, Universiti Malaysia Sabah.



SESI bergambar bersama Timbalan Dekan HEP dan Pascasiswazah, Dr Arif @ Kamisan Pusiran dan peserta program.